

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

↳ Johor Bahru

Atlet Universiti Sunway, Chan Jie, 21 dan Universiti Malaya (UM), Irene Chong, 26, masing-masing dinobatkan penerima Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2016, baru-baru ini.

Jie dipilih berikutan kejayaannya memperoleh empat pingat emas dan tiga gangsa dalam acara renang selain kemampuannya memecahkan tiga rekod baharu dalam acara terabit.

Chong pula memungut empat pingat emas, satu perak dan tiga gangsa, juga menerusi acara renang untuk kontinjenya.

Kejayaan itu turut melayakkan kedua-duanya membawa pulang sebuah piala pusingan, piala iringan dan tiket penerbangan pergi balik ke Bali, Indonesia.

Selain penganugerahan itu,

SUKIPT kali ini turut memberikan Anugerah Khas Pasukan Wanita kepada pasukan bola tampar UTM dan Anugerah Khas Pasukan Lelaki kepada pasukan ragbi UPM.

UiTM juara

Majlis penutupan SUKIPT 2016 disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawanan dan Koperasi Johor, Md Jais Sárday mewakili Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini.

Yang turut hadir ialah, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap Kain Ching.

SUKIPT 2016 menyaksikan kejayaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul juara keseluruhan apabila memperoleh pungutan 53 pingat emas, 46 perak dan 35 gangsa.

Universiti Putra Malaysia (UPM) pula muncul naib juara keseluruhan dengan mengumpul 41 emas, 19 perak dan 21 gangsa, manakala Universiti Malaya (UM) berada di tempat ketiga dengan 25 emas, 17 perak dan 14 gangsa.

SUKIPT 2016 iktiraf Chan Jie, Irene Chong



Pasukan UiTM meraikan kemenangan **sebagai juara keseluruhan SUKIPT 2016.**



Md Jais (dua dari kanan) **menyampaikan piala kepada Jie**, sambil diperhatikan Kain Ching (kiri) dan Zaini (kanan).



Jie (kiri) dan Chong **bersama piala yang dimenangi.**